



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 6 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	FEDERAL MINISTER SAYS SOCIAL WORK PROFESSION BILL STILL IN DRAFT STAGE, TO INCLUDE MANDATORY SCREENING OF BABYSITTERS	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/05/federal-minister-says-social-work-profession-bill-still-in-draft-stage-to-include-mandatory-screening-of-babysitters/100377	MALAYMAIL.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/05/giving-social-work-due-recognition	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	FOOD DONATIONS ALLEVIATE THE NEEDY IN KAMPUNG SEKETI LUNDU	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/food-donations-alleviate-the-needy-in-kampung-seketi-lundu/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	NOBLE VALUES CAN MAKE A COUNTRY GREAT: PM	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/222982/noble-values-can-make-a-country-great-pm/	DAILEXPRESS.COM.MY
	https://kedahgazette.com/index.php/2023/11/05/keupayaan-seseorang-pemimpin-dinilai-dari-kejayaan-bentuk-institusi-keluarga-pm/	KEDAHGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ZAITON SAMEON KINI MENARUH HARAPAN	
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/11/1027255/zaiton-sameon-kini-menaruh-harapan	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	RAUB MENANG BESAR KARNIVAL SUKAN OKU PPDK PAHANG	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/05/raub-menang-besar-karnival-sukan-oku-ppdk-pahang/	MALYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KAHAK AERIL DISEDUT LEBIH 20 KALI SEHARI – IBU	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kahak-aeril-disedut-lebih-20-kali-sehari-ibu/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	82 PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI BANGI DITEMPATKAN DI PPS	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1173506/82-penduduk-terjejas-banjir-di-bangi-ditempatkan-di-pps	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027389/87-mangsa-banjir-di-bangi-masih-di-pps	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BERGILIR-GILIR TIDUR, BIMBANG BAYI SESAK NAFAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027131/bergilir-gilir-tidur-bimbang-bayi-sesak-nafas	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1173280/bergilir-tidur-bimbang-bayi-sesak-nafas	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=CkvEJHYGpPc	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BANJIR: SEMBILAN PPS BEROPERASI DI SELANGOR, PERAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633146/berita/semasa/banjir-sembilan-pps-beroperasi-di-selangor-perak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	YAKEB TURUN PADANG DI MELAKA	
	https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/11/1173562/yakeb-turun-padang-di-melaka	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BANGUNAN JHEWA PUSAT SEHENTI PASARKAN PRODUK	
	https://www.astroawani.com/videos/awani-borneo-x7ko9t/bangunan-jhewa-pusat-sehenti-pasarkan-produk-x8pd2fn	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	BERPERSATUAN ELAK WANITA JADI MANGSA 'LOVE SCAM'	
	https://www.melakahariini.my/berpersatuan-elak-wanita-jadi-mangsa-love-scam/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	LELAKI DIREMAN KES CABUL DUA ANAK SAUDARA USIA 4 DAN 5 TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-direman-kes-cabul-dua-anak-saudara-usia-4-dan-5-tahun-444789	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	TRAUMA DICABUL 'AYAHANDA' MIANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027367/trauma-dicabul-ayahanda-miang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	MULTI-PRONGED APPROACH TO HELP SABAH'S DISADVANTAGED	
	https://www.dailyexpress.com.my/read/5331/multi-pronged-approach-to-help-sabah-s-disadvantaged/	DAILEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS MAUT KERETA TERBABAS MASUK LONGKANG	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-kereta-terbabas-masuk-longkang-444745	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/633063/berita/semasa/warga-emas-maut-kereta-terbabas-masuk-longkang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1173356/warga-emas-maut-kereta-terbabas-masuk-parit	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/myvi-terjunam-dalam-parit-warga-emas-maut/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	3 WANITA TERMASUK KANAK-KANAK, MANGSA EKSPLOITASI SEKS, DISELAMATKAN	
	https://www.buletintv3.my/nasional/3-wanita-termasuk-kanak-kanak-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan/	BULETINTV3.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-12-tahun-jadi-hamba-seks-diselamatkan-444755	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WANITA DIUGUT KERANA SEBAR VIDEO GOYANG GERUDI DI SIMPANG RENGAM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-diugut-kerana-sebar-video-goyang-gerudi-di-simpang-rengam/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/633113/berita/semasa/wanita-diugut-kerana-sebar-video-aksi-goyang-gerudi-di-simpang-rengam	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/05/wanita-diugut-kerana-sebar-video-goyang-gerudi/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1173416/karnival-makanan-jadi-pesta-gelek-lelaki-ugut-wanita-ditahan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-ditahan-bantu-siasatan-ugut-wanita-444766	ASTROAWANI.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/lelaki-ditahan-bantu-siasatan-ugut-wanita-LH11709839	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	CABUL KANAK-KANAK: POLIS BUKA EMPAT KERTAS SIASATAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633108/berita/semasa/cabul-kanak-kanak-polis-buka-empat-kertas-siasatan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/05/reman-jurulatih-disyaki-mencabul-kanak-kanak-disambung-esok/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	TIGA TERMASUK DUA WANITA DITAHAN KERANA MENCURI KABEL TELEKOMUNIKASI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1027355/tiga-termasuk-dua-wanita-ditahan-kerana-mencuri-kabel-telekomunikasi	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	DUA WANITA DITAHAN KES PENIPUAN TANAH, PINJAMAN	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/222966/dua-wanita-ditahan-kes-penipuan-tanah-pinjaman/	DAILEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	MGPERAK: PENGHARGAAN INI MANIFESTASI BUAT WANITA PERAK – SALBIAH	
	https://malaysiagazette.com/2023/11/05/mgperak-penghargaan-ini-manifestasi-buat-wanita-perak-salbiah/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
23	PEMINDAHAN RAHIM BANTU WANITA TANPA RAHIM HAMIL	
	https://www.utusan.com.my/gaya/kesihatan/2023/11/pemindahan-rahim-bantu-wanita-tanpa-rahim-hamil/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	'NAMA SAYA ALIAS, TAPI SAYA WANITA TULEN'	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/05/nama-saya-alias-tapi-saya-wanita-tulen/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	RISIKO BAYI DIJANGKITI BATUK KOKOL	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/11/1173349/risiko-bayi-dijangkiti-batuk-kokol	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	CARI JALAN TANGANI MASALAH KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/633132/berita/nasional/cari-jalan-tangani-masalah-kesihatan-mental-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/05/ambil-serius-masalah-kesihatan-mental-kanak-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	BAYI KERAP TERJAGA MALAM	
	https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/11/1173282/bayi-kerap-terjaga-malam	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	MICHAEL ANG SEDIH TEMPAT KERJA STAF OKU DIBOIKOT SEBAB ISRAEL	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/05/michael-ang-sedih-tempat-kerja-staf-oku-diboikot-sebab-israel/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	MELAKA LAKSANA PROGRAM KHAS BANTU MUDAHKAN OKU DAPAT LESEN MEMANDU	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-laksana-program-khas-bantu-mudahkan-oku-dapat-lesen-memandu-444694	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
30	PROGRAM OKU CELIK DIGITAL PASTIKAN TIADA GOLONGAN TERPINGGIR DALAM PELAKSANAAN DASAR KERAJAAN - FAHMI	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2241824	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/11/program-oku-celik-digital-pastikan-tiada-golongan-terpinggir-dalam-dasar-kerajaan/	SELANGORKINI.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pemeriksaan-oku-dalam-ekonomi-digital-akan-terus-diperhebat-fahmi	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/program-oku-celik-digital-pastikan-tiada-golongan-terpinggir-fahmi-444794	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
31	DEMI CINTA TERAGUNG	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1027213/demi-cinta-teragung	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
32	MAYAT WARGA EMAS HILANG KETIKA MANDI SUNGAI DITEMUI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/05/mayat-warga-emas-hilang-ketika-mandi-sungai-ditemui	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/wanita-warga-emas-yang-hilang-ketika-mandi-di-sungai-baram-ditemui-lemas/	SUARASARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

6/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
33	DUA WARGA EMAS SELAMAT DALAM KEBAKARAN DI SARATOK	
	https://dayakdaily.com/dua-warga-emas-selamat-dalam-kebakaran-di-saratok/	DAYAKDAILY.COM



TAJUK : 200 PENDUDUK DI SEMENYIH, BANGI DIPINDAH KE PPS

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



Anggota bomba dan penyelamat memindahkan penduduk di Kampung Bangi Tambahan, Bangi Lama yang terjejas banjir susulan hujan lebat, awal pagi semalam. (Foto Azhat Ramli/BH)



Penduduk membersihkan kawasan rumah ketika tinjauan di Kampung Bangi Tambahan, Bangi Lama.

200 penduduk di Semenyih, Bangi dipindah ke PPS

Kediaman dinaiki air paras pinggang selepas hujan lebat awal pagi

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira 200 penduduk dua lokasi, iaitu Taman Semenyih Indah di Semenyih dan Kampung Bangi Lama

di Bangi dipindahkan apabila kediaman mereka terjejas banjir susulan hujan lebat, awal pagi semalam.

Semua mangsa dipindahkan dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas pihak berkenaan menerima panggilan kecemasan pada jam 4.30 pagi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mukhtar, berkata di Taman Semenyih Lama sebanyak 14 rumah dinaiki banjir setinggi kira-kira 1.5 meter dengan 50 mangsa membabitkan 14 keluarga terpaksa dipindahkan dengan

bantuan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Semenyih.

SK Bangi jadi PPS

Di Kampung Bangi Lama pula, katanya, pasukan bomba dari BBP Bangi, Kajang dan Semenyih membantu memindahkan mangsa selepas kediaman dinaiki air separas pinggang.

"Setakat jam 7.30 pagi tadi (semalam), kira-kira 150 penduduk di Kampung Bangi Lama berpindah dengan 100 lagi mangsa berpindah sendiri ke tempat selamat," katanya.

Dalam pada itu, portal Info



Penduduk menyelamatkan barangan selepas rumah dinaiki air di Kampung Batu 5, Jalan Semenyih, semalam.

Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan sehingga jam 3.30 petang semalam, seramai 82 penduduk Kampung Bangi Lama di Bangi yang terjejas banjir pada awal pagi ditempatkan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Bangi yang dibuka sebagai pusat pemindahan sementara (PPS).

Semua 82 mangsa itu membabitkan 19 keluarga terdiri 42 penduduk dewasa serta 38 kanak-kanak dan dua bayi lelaki.

Sementara itu, lima stesen kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Selangor dan Perak

menunjukkan paras air melebihi tahap bahaya dan boleh menyebabkan banjir besar.

Data dikongsikan JPS setakat jam 12.45 tengah hari semalam menunjukkan empat stesen kendalian itu menunjukkan trend paras air semakin menaik membabitkan Selangor, iaitu di Sungai Semenyih (Pekan Bangi Lama) dan Sungai Langat (Bukit Changgang, Dengkil dan Jenderam Hilir).

Begitu juga satu stesen di Perak membabitkan Sungai Bidor, iaitu Changkat Jong di Hilir Perak.



TAJUK : BERGILIR TIDUR TAKUT BAYI SESAK NAFAS

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

18

Nasional

Isnin, 6 November 2023 BH

Bergilir tidur takut bayi sesak nafas

Anak istimewa hidap penyakit genetik perlu dipantau 24 jam

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com

Kota Bharu: "Hampir setiap malam kami suami isteri bergilir untuk tidur kerana bimbang anak istimewa tersesak dan sesak nafas," luah Siti Nurnajiha Mahmud, 28.

Anaknya, Muhammad Aeril Martin Muhammad Muiz, berusia lapan bulan yang menghidap penyakit genetik iaitu kelainan kromosom, selain mempunyai masalah pernafasan kritikal yang memerlukan kahak disedut lebih 20 kali sehari.

Susulan penyakit berkenaan

anak bongsu daripada tiga adik beradik itu perlu dipantau 24 jam kerana Muhammad Aeril boleh mengalami sesak nafas jika mereka terleka untuk menyedut kahak melalui leher yang sudah ditebuk.

"Kesan daripada sakit ini juga, tumbesaran anak saya terbantut dengan beratnya kini hanya 3.7 kilogram (kg) seakan bayi yang baru beberapa hari dilahirkan.

"Namun, kami reda dengan kurniaan anak istimewa ini walaupun pelbagai ujian perlu dihadapi.

"Dua bulan lalu, Muhammad Aeril dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Raja Perempuan Zainab II kerana komplikasi penyakitnya menyebabkan dia tidak boleh bernafas.

"Alhamdulillah, kini keadaannya semakin pulih namun suami, Muhammad Muiz Md Roslan, 26, pula kehilangan kerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah pasar raya di Kota Bharu," katanya selepas me-



Siti Nurnajiha dan Muhammad Muiz bersama anak istimewa mereka, Muhammad Aeril Martin.

(Foto Syaherah Mustafa/BH)

nerima lawatan wakil Yayasan Raja Shamri (YRS) di rumahnya di Kampung Landak, Pengkalan Chepa, kelmarin.

Wakil YRS, Tuan Zaimah Raja Omar, menzahirkan keluarga berkenaan selepas menerima laporan nasib mereka, selain menghulurkan sumbangan kewangan serta meneliti bentuk bantuan diperlukan pada masa akan datang.

Hilang punca pendapatan

Siti Nurnajiha berkata, selepas anaknya itu keluar ICU, mereka lebih peka dan memastikan Mu-

hammad Aeril diawasi, selain bergantung sepenuhnya kepada mesin penyedut kahak dibeli sendiri berharga RM500.

"Sejujurnya, hidup kami ibarat kals pagi makan pagi, kals petang makan petang kerana hilang punca pendapatan.

"Ada masa saya sendiri mengambil upah mengurut, sementara suami di rumah menjaga anak.

"Jika suami mendapat permintaan untuk mengecat rumah atau memotong rumput, saya pula menjaga Muhammad Aeril.

"Kami terpaksa bergilir men-

cari rezeki demi meneruskan kehidupan seharian, termasuk membesarkan dua lagi anak berusia empat dan lapan tahun.

"Saya turut mendapatkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kad orang kurang upaya milik anak sudah pun siap, namun permohonan menerima bantuan setiap bulan masih dalam proses," katanya.

Mereka yang mahu meringankan beban keluarga terabit, boleh menghubungi Muhammad Muiz di talian 017-9147298.



TAJUK : TIGA WANITA MANGSA EKSPLOITASI SEKS DISELAMAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tiga wanita mangsa eksploitasi seks diselamat

Keningau: Polis menyelamatkan tiga wanita, termasuk kanak-kanak berusia 12 tahun yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan manusia dan eksploitasi seks susulan penahanan tiga lelaki dalam dua serbuan berasingan, Jumaat lalu.

Serbuan dilakukan bermula jam 8.11 malam pada 2 Oktober hingga 12.30 tengah malam oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah dan Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Keningau.

Ketua Polis Daerah Keningau, Superintendan Yampil Garai, berkata pasukan serbuan menjalankan Op Pintas di sekitar daerah ini dan mengesan aktiviti pemerdagangan orang dan eksploitasi seks.

Serbuan pertama di sebuah inap desa di daerah ini menyelamatkan dua wanita berusia 30 dan 12 tahun. Ketika serbuan itu juga, polis menahan dua lelaki berusia 44 dan 15 tahun, termasuk berperanan sebagai *runner* dan *transporter*.

"Seterusnya, serbuan kedua dilakukan di sebuah hotel di Jalan Lintas Plaza, Kota Kinabalu dan menyelamatkan seorang lagi wanita berusia 19 tahun dan pasukan serbuan turut menahan seorang lagi suspek lelaki berusia 23 tahun," katanya.

Yampil berkata, susulan serbuan itu polis merampas wang tunai RM785, tujuh telefon bimbit pelbagai jenama dan beberapa keping kondom.



TAJUK : 'HARI MERDEKA' TIGA HAMBA SEKS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



“Serbuan kedua dilakukan di sebuah hotel di Jalan Lintas Plaza, Kota Kinabalu dan menyelamatkan seorang lagi wanita berusia 19 tahun”

'Hari Merdeka' tiga hamba seks

Mangsa pemerdagangan manusia, eksploitasi seks termasuk seorang kanak-kanak diselamatkan dalam dua serbuan polis

Oleh Jwan Riduan
am@hmetro.com.my

Keningau

Polis menyelamatkan tiga wanita termasuk kanak-kanak berusia 12 tahun yang disyaki menjadi mangsa pemerdagangan manusia dan eksploitasi seks susulan penahanan tiga lelaki dalam dua serbuan berasingan pada Khamis lalu.

Serbuan dilakukan bermula jam 8.11 malam pada 2 Oktober sehingga 12.30 tengah malam oleh Jabatan Siasatan Jenayah Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah dan Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Dae-

rah (IPD) Keningau.

Ketua Polis Daerah Keningau, Superintendan Yampil Anak Garai berkata, pasukan serbuan menjalankan Ops Pintas di sekitar daerah ini dan mengesan aktiviti pemerdagangan orang dan eksploitasi seks.

Katanya, serbuan pertama di sebuah inap desa di daerah ini berjaya menyelamatkan wanita berusia 30 dan kanak-kanak berumur 12 tahun.

“Ketika serbuan itu, polis turut menahan lelaki berusia 44 dan 15 tahun yang berperanan sebagai ‘runner’ dan ‘transporter’.

“Seterusnya, serbuan ke-

dua dilakukan di sebuah hotel di Jalan Lintas Plaza, Kota Kinabalu dan menyelamatkan seorang lagi wanita berusia 19 tahun dan pasukan turut menahan seorang lagi suspek lelaki berusia 23 tahun,” ka-

tanya ketika dihubungi semalam.

Yampil berkata, susulan serbuan itu polis merampas wang tunai RM785, tujuh telefon bimbit dan beberapa kondom.

“Hasil siasatan mendapati seorang daripada tiga suspek berperanan sebagai ‘runner’ dan ‘transporter’ untuk menghantar mang-

sa sekiranya ada pelanggan yang mahu melanggan mangsa di kawasan berhampiran.

“Dua lagi suspek pula berperanan untuk mencari pelanggan kepada mangsa melalui aplikasi MiChat,” katanya.

Menurutnya, modus operandi semua suspek adalah menjadikan satu-satu kawasan sebagai transit untuk mengelak kegiatan mereka daripada dikekan pihak berkuasa.

“Mereka ini bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain sebagai tempat beroperasi.

“Semua suspek direman selama lima hingga tujuh hari mengikut Seksyen 12/14 Akta Anti Pemerdagangan Manusia (Atipsom) 2007,” katanya.

“Seorang daripada tiga suspek berperanan sebagai ‘runner’ dan ‘transporter’
Yampil



TAJUK : 'SYUKUR KINI TERBELA'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Syukur kini terbela'

Zaiton gembira urusan bantuan bulanan JKM dan PZS selesai

Oleh Norhayati Nordin
norhayati_nordin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penyanyi era 1980-an, Zaiton Sameon bersyukur nasibnya kini terbela selepas urusan bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Zakat Selangor (PZS) selesai.

Zaiton, 67, juga gembira apabila menerima bayaran pen-cen bulan pertama, RM500

daripada Yayasan Kebajikan Artis Tanahair (YKAT), baru-baru ini yang dipimpin Pengerusinya, Datuk DJ Dave.

"Alhamdulillah, syukur tidak terhingga kepada Allah di atas rezeki ini. Saya hanya mampu bersyukur selepas kesusahan hidup dialami disuarakan dan semoga ada tawaran menyanyi juga.

"Saya ingin terus menyanyi kerana ia sumber pendapatan utama, namun buat masa sekarang, tidak ada tawaran undangan yang diterima lagi. Apapun, saya percaya pada rezeki Allah buat saya.

"Kini, saya masih menunggu

jawapan bantuan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) menerusi Rumah Selangorku yang ditawarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada saya," katanya.

Penyanyi lagu Menaruh Harapan itu berkata, dia bukan mahu menagih janji, tetapi mengambil kira pada permohonan bantuan rumah PPR yang pernah dibuatnya tahun lalu kerana berasa layak menjadi penerima.

"Saya pernah memohon rumah PPR di sekitar Kuala Lumpur pada tahun lalu, tapi sampai sekarang tiada jawapan dan saya masih terus menunggu. Begitu juga, jawapan pihak berkenaan yang menawarkan Rumah Selangorku pun belum memberi maklum balas terkini," katanya.

Sehingga kini, Zaiton yang menumpang kasih dengan anak angkat, Che Sikah Ismail atau Ika, 47, menyewa rumah bersama keluarga wanita itu di Bukit Indah Ampang dengan bayaran bulanan RM1,000.

Pada 17 September lalu, Zaiton meluahkan kisahnyanya yang memerlukan bantuan kewangan bulanan daripada pihak berkaitan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup dihadapi kerana

kekurangan tawaran menyanyi.

Kesempitan hidup Zaiton turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menghantar wakilnya iaitu Setiausaha Politik beliau, Ahmad Farhan Fauzi untuk melawat serta menyampaikan bantuan kewangan serta bakul makanan pada 19 September lalu.

Pada 14 November tahun lalu, Zaiton menerima Kad Orang Upaya (OKU) menerusi kategori OKU Fizikal: *Traumatic Brain Injuries* (Trauma Kecederaan Otak) daripada JKM Wilayah Persekutuan.

Terdahulu, Zaiton pernah mengalami kemalangan jalan raya di Batang Kali, Selangor pada 1990 yang mengakibatkan anak tunggalnya, Azirwan Abu Bakar ketika itu berusia 13 tahun meninggal dunia.

Penyanyi yang merangkul juara Anugerah Juara Lagu (AJL) 1987 ini turut parah di bahagian kepala hingga menyebabkan dia hilang ingatan sementara.



"Kini, saya tunggu jawapan bantuan rumah PPR menerusi Rumah Selangorku ditawar KPWKM"
Zaiton Sameon



TAJUK : BENGKAK MATA ISTERI BERKURANG

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Johor Bahru: "Alhamdulillah selepas menjalani rawatan radioterapi, bengkak pada mata isteri berkurangan, malah selera makannya juga bertambah baik," kata jurugambar sambilan Baazlan Ibrahim, 63, suami kepada Siti Arziah Ismail, 61, yang menghidap barah pangkal hidung.

Menurut Baazlan, sehingga kini isterinya berjaya menjalani rawatan itu sebanyak empat kali di Hospital Sultan Ismail (HSI) dan berharap dapat melengkapkan rawatan disyorkan doktor sehingga 18 kali.

"Dia juga dapat makan roti berbanding sebelum ini hanya bergantung kepada susu disyorkan doktor sebagai pengganti makanan termasuk sarapan pagi hingga makan malam.

"Malah, kami juga kuat kerana doa orang ramai termasuk yang menyumbang bantuan kewangan selepas kisah kami disiarkan di akhbar.

"Kami juga berterima kasih atas sumbangan RM100 dan susu daripada Kelab Media Johor," katanya ketika ditemui, semalam.

Baazlan berkata, bekerja sebagai jurugambar sambilan, pendapatannya ti-



SITI Arziah menerima kunjungan daripada wakil Kelab Media Johor (KMJ). - Gambar FB KMJ

Bengkak mata isteri berkurangan

dak tetap namun bersyukur kerana dapat meneruskan pekerjaan dan menampung kos rawatan isteri.


"Kos perubatan isteri adalah kira-kira RM2,000 selain tambang ulang-alik kami ke hospital dijangka mencecah RM300 sepanjang tempoh rawatan 18 hari.

"Setiap kali rawatan memakan masa antara dua hingga empat jam, saya berdoa semoga isteri kuat semangat dan melawan

penyakit ini," katanya.

Pada 26 Oktober lalu, akhbar ini mendedahkan kisah Siti Arziah yang tidak sangka kerap selesma, kemerahan pada mata kiri dan hidung berdarah adalah simptom kanser pangkal hidung tahap tiga.

Siti Arziah mengalami simptom berkenaan bagi tempoh singkat sebelum disahkan menghidap kanser pada September lalu dan doktor juga mengesan ketumbuhan di hidungnya.



TAJUK : JURULATIH SENI BELA DIRI DITAHAN POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DAKWAAN CABUL BUDAK DI TANDAS

Jurulatih seni bela diri ditahan polis

Kuala Lumpur: Seorang kanak-kanak perempuan trauma apabila mendakwa menjadi mangsa cabul jurulatih taekwando di sebuah pusat latihan di Seksyen 24, Shah Alam, Selangor pada 28 Oktober lalu.

Ibu mangsa yang mahu dikenali sebagai Aida, 36, berkata dia hanya menyedari kejadian selepas dimaklumkan anaknya berusia sembilan tahun berkenaannya pada 1 November lalu.

"Anak memaklumkan pada hari kejadian jurulatih berusia 20-an berkenaannya memintanya untuk mengikut pergi ke tandas bagi membetulkan tali pinggang pada pakaiannya.

"Ketika itu, anak saya berdua dengan lelaki berkenaannya di dalam tandas sebelum dia bertanyakan beberapa soalan berkaitan seluar dalam kepadanya.

"Lelaki itu kemudian membuka seluar dan memegang kemaluan anak saya dengan alasan mahu 'mebetulkan' kemaluan," katanya kepada Harian Metro, kelmarin.

Aida berkata, lelaki berkenaannya juga dilihat oleh anaknya memegang telefon bimbit dipercayai untuk merakam perbuatan keji itu.

"Apabila perkara ini berlaku, saya ada memaklumkan kepada ibu bapa pelatih lain menerusi mesej di kumpulan sembang WhatsApp.

"Rupanya, ada lima lagi kanak-kanak yang menjadi mangsa cabul lelaki yang bekerja sambil sebagai jurulatih di pusat latihan berkenaannya.

"Namun, saya dimak-

lumkan hanya dua mangsa (ibu bapa) yang tampil membuat laporan polis berhubung perkara itu," katanya yang juga penjawat awam.

Katanya, kejadian terbahit mengganggu rutin harian serta tidur anaknya sejak dia menceritakan perkara itu kepadanya.

"Anak amat trauma sehingga setiap kali bangun tidur, dia memaklumkan bermimpi perbuatan yang dilakukan lelaki berkenaannya terhadapnya.


"Apa yang berlaku terhadapnya membuatkan saya rasa kecewa kerana tujuan saya menghantar anak sulung daripada tiga beradik itu untuk belajar taekwando adalah untuk mempertahankan diri, namun sebaliknya berlaku.

"Saya berharap pelaku ini dapat dikenakan hukuman supaya tiada lagi kanak-kanak yang menjadi mangsanya (dicabul)," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya sudah menahan jurulatih yang juga pelajar sebuah kolej swasta untuk membantu siasatan.

Menurutnya, setakat ini empat laporan diterima membabitkan empat mangsa berusia tujuh hingga sembilan tahun dan kejadian dipercayai berlaku sekitar September sehingga Oktober lalu.

"Suspek direman empat hari bermula semalam (Jumaat lalu) sehingga Isnin ini (hari ini) bagi siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya.



TAJUK : LELAKI UGUT WANITA DAKWA PUNCA BATAL PESTA MAKAN DIREMAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki ugut wanita dakwa punca batal pesta makan direman

Kluang: Seorang lelaki ditahan Rabu lalu selepas dipercayai mengugut seorang wanita yang didakwa menjadi punca pembatalan pesta makan yang bertukar menjadi pesta gelek di Simpang Renggam baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisyoner Bahrin Mohd Noh berkata, suspek berusia 49 tahun yang mempunyai satu rekod jenayah lampau berkaitan kes narkotik ditahan di Jalan Buloh Kasap, Pekan Jabi, Segamat.

Katanya, suspek bukan penganjur dan siasatan dilakukan bagi mengenal pasti peranannya sama ada sebagai peniaga atau samseng upahan.

Katanya, bagaimanapun ujian saringan air kencing suspek didapati negatif dadah.

“Polis menerima laporan daripada wanita warga tempatan yang diugut melalui panggilan telefon oleh seorang lelaki tidak dikenali.

“Suspek mendakwa pengadu jadi punca pembatalan karnival apabila memuat naik video yang menjadi tular di aplikasi media sosial,” katanya, semalam.

Katanya, suspek direman empat hari sehingga hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(2) Enakmen Hiburan Negeri Johor.

Terdahulu, media melaporkan peniaga Jelajah Makan Johor di Dataran IKS Simpang Renggam di sini, bengang dengan tindakan penganjur yang membiarkan ‘aksi gelek’ mencemari karnival itu sehingga ia dibatalkan.



TAJUK : SETIAP HARI PERLU SEDUT KAHAK 20 KALI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Setiap hari perlu sedut kahak 20 kali

Siti Nurnajiha, suami bersengkang mata pantau zuriat berusia 8 bulan derita penyakit genetik, masalah pernafasan

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

“Hampir setiap malam kami bergilir untuk tidur kerana bimbang anak istimewa tersedak dan sesak nafas,” kata Siti Nurnajiha Mahmud, 28.

Dia adalah ibu kepada Muhammad Aeril Martin Muhammad Muiz, 8 bulan, yang menghidap penyakit genetik iaitu kelainan kromosom selain mempunyai masalah pernafasan kritikal yang memerlukan kahak disedut lebih 20 kali sehari.

Katanya, susulan penyakit itu, anak bongsu daripada tiga beradik itu perlu dipantau 24 jam kerana Muhammad Aeril boleh mengalami sesak nafas jika mereka terleka menyedut kahak melalui leher yang sudah ditubuk.

“Kesan daripada sakit ini juga, tumbesaran anak saya terbantut yang mana beratnya kini hanyalah 3.7 kilogram (kg) seakan-akan berat bayi yang baru beberapa hari dilahirkan. Bagaimanapun, kami reda dengan kurniaan anak istimewa ini walaupun pelbagai ujian perlu kami hadapi.

“Dua bulan yang lalu, Muhammad Aeril dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II kerana komplikasi penyakitnya yang menyebabkan dia tidak boleh bernafas.

“Alhamdulillah, kini keadaannya semakin pulih namun suami, Muhammad Muiz Md Roslan, 26, pula kehilangan kerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah pasar raya di Kota Bharu,” katanya ketika ditemui selepas menerima lawatan wakil Yayasan Raja Shamri (YRS) di rumahnya di Kampung Landak, Pengkalan Chepa di sini, kelmarin.

Wakil YRS, Tuan Zaimah Raja Omar menziarahi ke-

uarga berkenaan selepas menerima laporan mengenai nasib mereka selain menghulurkan sumbangan kewangan serta meneliti bentuk bantuan lain yang diperlukan.

Siti Nurnajiha berkata, selepas anaknya itu keluar daripada ICU, mereka lebih peka dan memastikan Muhammad Aeril diawasi selain bergantung sepenuhnya kepada mesin penyedut kahak yang dibeli sendiri berharga RM500.

“Hidup kami sekarang ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”
Siti Nurnajiha

“Manakala, jika suami mendapat permintaan untuk mengecat rumah atau memotong rumput, saya pula akan ber-

ada di rumah untuk menjaga Muhammad Aeril. Kami terpaksa bergilir-gilir mencari rezeki demi meneruskan kehidupan sehari-hari termasuk membesarkan dua lagi anak berusia empat dan lapan tahun.

“Saya turut mendapatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kad Orang Kurang Upaya (OKU) milik anak sudah pun siap namun permohonan menerima bantuan setiap bulan masih di dalam proses,” katanya.

Menurutnya, dia memerlukan RM800 sebulan untuk perbelanjaan susu khas dan lampin pakai buang, selain perlu membeli ‘tracking’ yang ditampal pada leher Muhammad Aeril yang berharga RM360 dan perlu ditukar pada setiap bulan.

Mereka yang mahu meringankan beban keluarga terbabit, boleh menghubungi Muhammad Muiz di talian 017-9147298.



SITI Nurnajiha (kiri) bersama anaknya, Muhammad Aeril yang menderita penyakit genetik di rumah mereka di Kampung Landak, Pengkalan Chepa.



TAJUK :	SELF-DEFENCE INSTRUCTOR HELD FOR ALLEGEDLY MOLESTING 4		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	06 NOV 2023	M/SURAT :	12
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

UNDERAGED VICTIMS

Self-defence instructor held for allegedly molesting 4

SHAH ALAM: Police detained a self-defence instructor on Thursday over the alleged molest of underage girls.

Shah Alam police chief Assistant Commissioner Mohd Iqbal Ibrahim said the 20-year-old instructor was arrested at a shopping complex in Shah Alam about 4pm the day they received a report from the mother of one of the victims.


"The report involved a 9-year-old who was believed to have been molested in the toilet of the self-defence learning centre," he said yesterday.

Iqbal said police have since received three more reports from other victims.

"Investigations reveal that all the victims were underaged girls (between 7 and 9) with incidents allegedly having taken place in September and October," he said.

Iqbal said the suspect was a student at a private college in the Klang Valley and had been an instructor for a year.

He urged anyone with information to contact the investigating officer, Inspector Muhammad Naquiuddin Nawawi at [012-384 8103](tel:012-3848103). **Bernama**



TAJUK : BODY OF WOMAN WHO WENT MISSING WHILE BATHING IN RIVER FOUND

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Villagers gather at the SAR operations outpost following the recovery of Puyang's body.

Body of woman who went missing while bathing in river found

Mohd Aliff Idzwan Abdullah

MIRI: The body of a senior citizen who went missing on Oct 30 while taking bath in a river at Kampung Long Miri, Ulu Baram, was found Saturday afternoon.

The Fire and Rescue Department


(Bomba) in a statement said the body of Puyang Ajang, 64, was found 4.15pm by villagers, some 1.5km from where she was reported missing.

"Family members confirmed the identity of the deceased, and the body was handed over to police for further action," said

Bomba.

A search and operation (SAR) was launched after Puyang's family members reported her disappearance to the Marudi fire station on Oct 31.

Assisting Bomba in the SAR operation were police personnel and some 70 villagers.



TAJUK : DIGITAL LITERACY TO EMPOWER THE DISABLED

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Digital literacy to empower the disabled

KUALA LUMPUR: Digital literacy will help more than half a million persons with disabilities, especially in terms of job opportunities, says Communications and Digital Minister Fahmi Fadzil.

He said a newly-introduced Digital Literacy Empowerment Programme for Persons with Disabilities was aimed at connecting the disabled community with government agencies.

The programme, he said, is a testament to the government's promise to ensure no one will be marginalised in the implementation of policies and initiatives, in line with the Malaysia Madani concept.

Its objectives include increasing awareness of digital technology and advocacy to the community on the best ways to use digital tools, he said.

Apart from that, the programme also sets out to provide information on cybercrime, educate and protect Internet users from threats, as well as increase digital literacy by getting the disabled to be actively involved in the digital ecosystem, he added.


"All these objectives are to be achieved through several modules that include three aspects – Internet awareness, digital entrepreneurship and digital empowerment," he said at the programme at Pantai Dalam here yesterday.

Fahmi said the modules will be delivered by several government and private agencies consisting of the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the police, Malaysia Digital Economy Corporation, Mynic, Companies Commission of Malaysia, Shopee and others.

"The digital world acts as a facilitator that gives this community the opportunity to communicate without constraints.

"Therefore, the implementation of the development programme and digital empowerment of disabled youth is done to enable them to use the opportunities as best as possible and increase their marketability," he said.

Currently, there are 674,892 registered persons with disabilities up until Sept 30, the minister said.



TAJUK : GIRL, 12, RESCUED FROM SEX TRAFFICKERS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Girl, 12, rescued from sex traffickers

KOTA KINABALU: Police rescued two women and a 12-year-old girl from a suspected human trafficking ring in the state.

This was after they arrested three men in separate operations in the interior Keningau district and at a hotel here on Thursday.

The operations were carried out by personnel from the state anti-vice, gambling and secret societies division (D7) and Keningau CID between 8pm and 12.30am.

Keningau police chief Supt Yampil Anak Garai said the raids were launched after they received information on human trafficking and sex exploitation activities.

He said the first raid was conducted at a village homestay in Keningau where they saved a 30-year-old woman and the young girl.

"We also nabbed two males, aged 44 and 15, who we believe played the roles of runner and transporter to send the victims to their clients.

"Our men subsequently raided a hotel in Jalan Lintas Plaza here and rescued a 19-year-old woman.

"We also arrested a 23-year-old man during the raid," he said when contacted yesterday.

Supt Yampil added that police also seized RM785 in cash, seven mobile phones and several packets of condoms.



TAJUK : HEALTH CAMPAIGN SETS A RECORD

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Health campaign sets a record

6,600 breast cancer screenings conducted in a month nationwide

By BENJAMIN LEE
benlkh@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: In a month, 6,600 breast cancer screenings were done as part of the Pink Unity 6600 Campaign organised by National Cancer Society Malaysia (NCSM).

It was a milestone that made it to the Malaysia Book of Records for conducting the most breast cancer screenings in a campaign.

The screenings, which ran from Oct 4 to Nov 4, took various forms, including clinical breast examination, mammograms, ultrasound and use of the handheld breast screening medical device iBreast, at numerous locations throughout the country.

The achievement was honoured at the campaign's closing ceremony here yesterday.

NCSM managing director Dr Murallitharan Munisamy said the introduction of iBreast at a number of clinics in August was crucial in giving Malaysians an early warning.

"Over 50% of Malaysian cancer patients are detected only after the disease has reached stage three or four, which is too late for treatment in some cases.

"This is because Malaysians are notoriously hard to convince, even more so when it comes to spending money on voluntary full



For peace of mind: Women who participated in full health screenings during the National Cancer Society Malaysia's Pink Unity 6600 Campaign at KL Sentral. — AZLINA ABDULLAH/ The Star

health screenings at hospitals.

"But with iBreast, detecting breast cancer is not only cheaper but more convenient for women as they can get themselves screened at local clinics," he said in his speech at the event.

Dr Murallitharan said the "6,600" in the campaign's name was chosen to commemorate 66 years of Malaysia's independence to symbolise a chance for early detection and preservation of lives.

"With this campaign, more Malaysians have been empowered to take charge of their health and make informed decisions about their well-being," he added.

Attending the event was Human Resources Minister V. Sivakumar, who praised the programme's accomplishment as a big step towards ensuring the health and growth of Malaysia's female workforce.

"Cancer is one of the many health issues that has among the


highest potential of forcibly retiring people from the workforce, especially if it's detected in its late stages.

"But with this campaign, women around the country have been given the proactive option they need to not only protect their health but to continue their careers by detecting and treating potential cancers at an early stage," he said.

He said he hoped to see more similar proactive health cam-

paigns from NCSM and other health-related bodies in the future.

Wan-Amir Jeffrey, the commercial chief executive officer of local pharmaceutical company Duopharma Biotech Bhd, which is commercialising and distributing iBreast to local clinics around Malaysia, said it was hoping to expand the number of clinics equipped with the device from 48 currently to over 100 by July next year.



TAJUK :	TRAINER HELD OVER CHILD MOLEST CASE		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	06 NOV 2023	M/SURAT :	05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Trainer held over child molest case

SHAH ALAM: Police detained a self-defence instructor to assist investigations into an alleged molest case involving an underage girl last Thursday.

District police chief ACP Mohd Iqbal Ibrahim said the 20-year-old man was detained at a shopping complex in Shah Alam at about 4pm after receiving a report from the mother of the girl.

“Police received the first report about the incident at around 2pm on Nov 2. The report involved a nine-year-old who is believed to have been molested in the toilet of a self-defence learning centre,” he said in a statement.

Mohd Iqbal added that following the incident, police received four more reports involving different girls.

“Investigations revealed that all were underage (between seven and nine), with the incidents allegedly having taken place in September and October.”

Mohd Iqbal said the suspect is a private college student in the Klang Valley and has been an instructor for a year.

He also said the case is being investigated under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 and urged those with information to contact investigating officer Insp Muhammad Naquiuddin Nawawi at [012-384 8103](tel:012-3848103). - Bernama



TAJUK :	4,000 KELAS DIJANGKA MENGIKUTI PROGRAM TABILA PRA TAHFIZ KEMAS TAHUN DEPAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 NOV 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

4,000 kelas dijangka mengikuti program Tabika Pra Tahfiz KEMAS tahun depan

SHAH ALAM: Sebanyak 4,000 kelas Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) seluruh negara dijangka mengikuti program Tabika Pra Tahfiz KEMAS tahun depan.

Ketua Pengarahnya Datuk Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi berkata program itu bertujuan melahirkan 'huffaz' atau hafiz cilik, selain menyemai rasa cinta kepada al-Quran seawal usia lima dan enam tahun.

"Program ini sedang dilaksanakan di 100 kelas seluruh

negara sebagai projek rintis dan melatih guru-guru yang terlibat dengan kerjasama Yayasan Pahang sebagai rakan strategik.

"Kita mempunyai 10,840 kelas Tabika Kemas dan jangka pelaksanaan program ini akan diperluas ke 4,000 kelas, masing-masing pada 2024 dan 2025, manakala selebihnya merupakan kelas bukan Islam tetapi juga dilengkapi dengan (program) pendidikan kerohanian," katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis Penutup Hari Potensi Tabika KEMAS peringkat kebangsaan yang dirasmikan

oleh Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Selangor Datuk Rizam Ismail di Dataran Kemerdekaan Shah Alam semalam.


Terdahulu, Ahmad Kamal Idris menerusi ucapannya memaklumkan pihaknya akan memeterai memorandum perjanjian (MoA) bersama Yayasan Pahang Selasa ini di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS Kampung Sri Batu, Kuala Lumpur.

Media sebelum ini melaporkan, program itu menyasarkan untuk melahirkan 100,000 'Huffaz Cilik' menjelang 2026, selaras pelaksanaan program

Tabika Pra Tahfiz KEMAS bermula Julai lepas.

Sementara itu, Hari Potensi Tabika KEMAS 2023 yang berlangsung selama tiga hari bermula 3 November lepas, mencungkil bakat dan memberi fokus kepada pembentukan akhlak kanak-kanak era digital.

Tabika Kemas Negeri Johor diumumkan sebagai juara keseluruhan program itu yang mempertandingkan beberapa kategori antaranya bilal cilik, ustazah junior, pidato, 'digital hero' serta Anugerah Kanak-Kanak Cemerlang. — Bernama



TAJUK :	LELAKI DITAHAN BANTU SIASATAN UGUT WANITA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	06 NOV 2023	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Lelaki ditahan bantu siasatan ugut wanita

JOHOR BAHRU: Polis menahan seorang lelaki Rabu lepas bagi membantu siasatan mengugut seorang wanita dengan mendakwa menjadi punca pembatalan pengajuran karnival di Simpang Renggam, dekat Kluang pada 27 Okt lepas.

Ketua Polis Daerah Kluang ACP Bahrin Mohd Noh berkata lelaki berusia 49 tahun itu ditahan pada 2.15 petang di Jalan Buloh Kasap, Pekan Jambi, Segamat.


Beliau berkata tangkapan dibuat susulan polis menerima laporan daripada mangsa pada 26 Okt lepas dengan menyatakan diugut lelaki tidak dikenali menerusi panggilan telefon.

“Lelaki itu mengatakan bahawa pengadu menjadi punca pembatalan karnival berkenaan kerana memuat naik satu video yang kemudiannya tular menerusi media sosial,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Bahrin sebelum itu, pihak Majlis Daerah Simpang Renggam telah mengeluarkan arahan pembatalan serta-merta karnival itu susulan penularan video berkenaan.

Lelaki yang memiliki satu rekod jenayah lampau berkaitan dadah itu, katanya sedang disiasat mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6 (2) Enakmen Hiburan Negeri Johor.

Baru-baru ini, tular rakan video menerusi media sosial memaparkan sekumpulan wanita dan lelaki menari ketika persembahan sebuah kumpulan muzik tempatan di karnival berkenaan yang menyebabkan arahan pembatalan karnival itu. — Bernama



TAJUK : MAYAT WANITA WARGA EMAS HILANG DITEMUI TERAPUNG

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 06 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



JUMPA: Mayat wanita warga emas yang hilang ketika mandi di sungai Kampung Long Miri, Hulu Baram ditemui petang kelmarin.

Mayat wanita warga emas hilang ditemui terapung

Mayat Puyang dijumpai penduduk kira-kira jam 4.15 petang kelmarin

Oleh Mohd Aliff Idzwan Abdullah

MIRI: Seorang wanita warga emas dilaporkan hilang ketika mandi di sungai Kampung Long Miri, Hulu Baram dekat sini pada Isnin lalu ditemui mati dalam keadaan terapung kelmarin.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata mayat Puyang Ajang, 64, dijumpai penduduk kampung yang turut serta dalam operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kira-kira jam 4.15 petang.

Katanya, mangsa ditemui

“Komander operasi juga melaporkan mangsa dijumpai dalam keadaan tubuh yang sempurna.”

Jurucakap
Pusat Gerakan Operasi, JBPM Sarawak

pada jarak 1.5 kilometer dari lokasi terakhir dia dipercayai hilang.

“Komander operasi juga melaporkan mangsa di-

jumpai dalam keadaan tubuh yang sempurna.

“Mangsa disahkan meninggal dunia oleh kakitangan perubatan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan setelah pengecaman mangsa dibuat oleh ahli keluarga, mangsa seterusnya diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Susulan penemuan mangsa itu, operasi SAR ditamatkan sepenuhnya jam 4.30 petang kelmarin.

Terdahulu, laporan kehilangan mangsa diterima bilik kawalan Balai Bomba

dan Penyelamat (BBP) Marudi pada Selasa lalu.

Mangsa dikatakan hilang di kawasan sungai pada Isnin lalu ketika mandi di sungai.

Sementara itu, operasi hari kelima kelmarin bermula jam 7 pagi dengan pencarian di atas permukaan air dilakukan menggunakan bot polis dan enam perahu penduduk kampung.

Operasi SAR itu melibatkan empat anggota BBP Marudi, dua anggota unit anjing pengesan bomba dan dibantu seekor anjing pengesan dikenali ‘Cliff’, empat anggota polis dan 70 penduduk kampung.